



WAN ABD. RAHMAN
WAN ABD. LATIF

TEORI DOMINO:
PRU 13
BN

TUMBANG


09595
WAN

PENGANTAR
RIDUAN MOHAMAD NOR





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



WAN ABD. RAHMAN
WAN ABD. LATIF

TEORI DOMINO:
PRU 13
BN
TUMBANG



PENGANTAR
RIDUAN MOHAMAD NOR



PUSTAKA PERDANA



1008181

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISBN 9789675968006

Teori Domino: PRU 13 BN Tumbang

© Wan Abd. Rahman Wan Abd. Latif

Cetakan Pertama: Jun 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Rekabentuk Kulit & Rekaletak:

Hafiz Shukur • emel: hafiz7500@gmail.com

Penerbit

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844, 017-205 5183

Emel: akhi_karim84@yahoo.com

Laman Web: www.tintajundi.com

320.09595
WAN'

K ANDUNGAN

Kandungan	III
Kata Pengantar	V
1. Kaleidoskop Politik	1
2. Peranan Elit Agama (Ulama) Dalam Gerakan Kemerdekaan dan Pembinaan-bangsa (Nation-Building) Malaysia	11
3. Hijrah dan Pengukuhan Sistem Pentadbiran Moden	29
4. Memahami Sifat Budaya Politik Melayu	49
5. Pelanduk Dua Serupa: Apakah Pas Dan Umno Sama-Sama Melayu Dan Sama-Sama Islam?	59
6. Islam Hadhari (IH) Lawan Membangun Bersama Islam (MBI): Satu Analisis Kritis	67
7. Dari Muzakarah Ke Muqabalah: Satu Analisis Hubungan Umno-Pas Dan Masa Depan Politik Malaysia	89
8. Pembangunan Luar Bandar Dan Persoalan Kemiskinan	103
9. Rasuah Dan Pendemokrasian: Fasa Dua	109
10. 1Malaysia: Banyak Persoalan	125
11. 1Malaysia: Anak Kunci Yang Membuka Kotak Pandora Politik Malaysia	133
12. Malaysia Sebuah Negara Polis?	139

13. Menjelang Seratus Hari Pakatan Rakyat: Suatu Analisis Sosio-Politik	145
14. Obama Dan Masa Depan Islam	153
15. Islam, Demokrasi Dan Pilihan Raya Di Malaysia	159
16. Perang Pilihan Raya Dan Proses Demokrasi Malaysia	179
17. Peranan Isu Dalam Pilihan Raya: Ke Arah Pembinaan Strategi Politik	195
18. Manipulasi Media Dan Pilihan Raya	205
19. Politik Feng Shui: Pengundi Cina Dan Pilihan Raya Umum Ke-12	221
20. Pilihan Raya Kecil Bagan Pinang: Antara Lokalisasi Dan Globalisasi	231
21. Ulama, Pilihan Raya Dan Isu Semasa: Satu Panduan Praktikal	237





KATA PENGANTAR

*A*lhamdulillah, segala puji dan puja bagi Allah SWT , Tuhan semesta alam yang telah memberikan kepada kita dengan nikmat Iman dan Islam yang memungkinkan kita menghirup udara segar hari ini dengan rasa aman dan sejahtera. Selawat dan salam buat Nabi junjungan yang telah meninggalkan kepada kita dengan keteladanan yang indah untuk kita telusuri, mencetak generasi Al Quran yang unik, penebar haruman keindahan Islam yang menyeruak kegelapan jahiliah. Tidak lupa buat generasi pejuang terdahulu yang telah berkubang darah dan keringat mengobarkan panji perlawanan.

Buku ini menghimpunkan tulisan terbaik Haji Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, bekas Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini menjadi Pengarah Penyelidikan PAS Pusat. Beberapa esei yang terpencah dan berserakan dalam pelbagai makalah dan akhbar kami himpunkan untuk menjadi tatapan anda semua, juga untuk generasi mendatang. Tulisan penulis mapan ini



yang pernah diasuh dengan euphoria ilmu di University Monash dan Oxford, menganalisa pergolakan politik semasa, membedah kekuatan gerakan Islam dalam persaingan demokrasi, mengartikulasi dasar-dasar kerajaan yang tidak mesra syariat, merespon isu-isu yang merencahi perjalanan politik kontemporari negara ini, juga melumasi perkembangan politik pasca PRU 12 yang sangat mencabar samada kepada BN dan juga Pakatan Rakyat. Tulisan beliau dengan idiom-idiom Sains Politik diluncur dengan kilasan bahasa yang sangat menarik, tidak pelik kerana Wan Abdul Rahman adalah sosok yang diasuh dalam bidang disiplin Sains Politik secara formal dan menggodam marabahaya di samudera politik secara langsung semenjak menjadi penjawat awam lagi.

Penulis akademik, pengkaji Sains Sosial dan intelektual awam ini telah dilahirkan di Selising, Pasir Puteh Kelantan, Serambi Mekah yang berakar dengan tradisi pengajian pondok. Menyusur daripada keluarga yang sangat menitikberatkan soal agama dan diasuh rapi dengan pendidikan Al Quran daripada kedua ibubapanya. Mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kamil dan juga di Sultan Ismail College, dua buah sekolah bergengsi di Kelantan yang juga telah melahirkan ramai tokoh-tokoh besar negara. Haji Wan Abdul Rahman telah melanjutkan pendidikan tinggi ke Universiti Monash Australia dan mendapat ijazah kelas Pertama Kepujian dan juga menyambung Ijazah Sarjana (MA) juga di Universiti Monash (juga meraih kelas pertama). Beliau berada di Universiti tersohor dunia, Universiti Oxford selama tiga tahun untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah.

Semasa menimba ilmu dalam euphoria kebangkitan Islam beliau juga seorang pimpinan pelajar yang aktif dalam tahun 70an di luar negara terutama dalam gerakan pelajar Islam yang mendapat simbahannya semangat daripada fenomena kebangkitan Islam yang meledak di seluruh belahan dunia. Antara jawatan yang pernah

disandang beliau dalam gerakan pelajar ialah Timbalan Presiden ,persatuan pelajar-pelajar Islam seluruh Australia. Presiden, Persatuan pelajar-pelajar Islam, Universiti Oxford England. Semasa menuntut di Universiti Oxford beliau diingati kerana berjaya menyatukan barisan pelajar Sunni dan Syiah di universiti tersebut.

Wan Abdul Rahman yang juga berbakat besar dalam menyampaikan kuliah agama di masjid dan surau di sekitar Lembah Kelang juga mantan Pensyarah, Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam kerjaya akademiknya, beliau telah menghasilkan ratusan esei-esei akademik dan juga menghasilkan buku-buku berkaitan kajian politik dan pilihanraya. Beliau semenjak pulang dari luar negara adalah aktivis tegar PAS di Selangor dan peringkat PAS Pusat. Antara jawatan yang pernah disandang beliau ialah sebagai AJK Lujnah Penerangan PAS Pusat, Timbalan YDP PAS Hulu Langat, Ketua Urusan Ulamak PAS Hulu Langat, Ketua Urusan Ulamak PAS Serdang, Bakat dan potensi yang beliau miliki terus dimanfaatkan untuk kerja-kerja amal Islami seusai tamat perkhidmatan beliau daripada UKM Bangi. PAS Pusat telah melantik Haji Wan Abdul Rahman sebagai Pengarah, Center for Electoral Reforms Initiatives(CERI), Jabatan Pilihan raya PAS Pusat, untuk membuat kajian dan penelitian terhadap perjalanan pilihanraya yang disertai oleh PAS.

Memandangkan latarbelakang akademik yang beliau miliki, Haji Wan Abdul Rahman telah dilantik sebagai AJK Penaja Penubuhan Universiti Islam Zulkifli Mohammad (KUIZM), sebuah Kolej Universiti milik PAS yang didirikan di Taman Melewar, Kuala Lumpur. Sekarang beliau memegang jawatan sebagai Pengarah, Pusat Penyelidikan PAS Pusat (PPP), menggantikan tempat Dr Zulkifli Ahmad (MP Kuala Selangor).

(ii)

Berhadapan dengan kebangkitan rakyat dan persaingan dengan kerajaan negeri Pakatan Rakyat pasca PRU 12, BN telah melancarkan kempen Satu Malaysia. Kempen ini cuba dipasarkan kepada rakyat dengan begitu agresif dan bersepadu melalui seluruh jaringan kerajaan yang ada. Perunding imej Yahudi, APCO Worldwide, dikenalpasti sebagai pemacu utama kempen ini, sebagai sebuah agen perunding bertaraf dunia yang bergengsi yang turut menjadi penasihat di beberapa buah negara Dunia Ketiga yang sarat dengan masalah seperti Indonesia dan Kazazhtan. BN walaupun diasak kuat dengan isu pembayaran 77 juta setahun kepada APCO namun Najib mengambil sikap mendiamkan diri, membisu seribu bahasa. Sebelum ini juga, BN telah berselingkuh dengan Yahudi, contohnya menggunakan khidmat perunding imej Sathcy And Satchy' pada tahun 80an, mengundang pasukan kriket Israel ke negara ini pada tahun 1997, bantahan tegas daripada ummat Islam tidak menjerakan BN, pada tahun 2002 sekali lagi pasukan ping pong Israel pula pula dijemput. APCO Worldwide sebagai perunding imej telah menjambatankan hubungan Najib dengan Barack Obama. Kembalinya Najib bertemu sesepuh 'uncle Sam' di Rumah Putih maka Malaysia telah menghentikan ekspot gasoline ke negara Iran yang merupakan musuk ketat negara 'polis antarabangsa'. Najib mengambil sikap mesra dan bersahabat dengan Amerika dan sanggup melukakan hati umat Islam yang dijeruk dengan penistaan dan pembantaian Amerika.

Sebelum ini gagasan 'Islam Hadhari' tenggelam dengan hilangnya Pak Lah daripada persada politik nasional, bahkan gagasan sesat ini menjadi liabiliti kepada UMNO dan BN terutama di negeri seperti Kelantan dan Terengganu yang agak kuat pengaruh agama. Gagasan Islam Hadhari menjadi ocean, dipersenda dan diketawakan oleh rakyat, hatta Dr Mahathir sendiri pun tidak bersahabat dengan gagasan Islam hadhari. Ratusan juta melepuh hangus untuk